

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**Program Latihan *We Build The No Problem People*  
anjuran MSc.HRD IMEC Kuala Lumpur November 2018**



## **Kuala Lumpur: 24 November 2018**

Sekumpulan pelajar program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) dengan kerjasama American Insurance Association (AIA) Kuala Lumpur telah menganjurkan program latihan ***Build The No Problem People*** kepada agen pada 24 November 2018 yang lepas bertempat di AIA Cap Square Tower Kuala Lumpur. Program latihan selama satu (1) hari ini yang merupakan aktiviti bersifat *service learning* adalah merupakan salah satu keperluan kursus *KMS6033 Design of Training Program* yang perlu dipenuhi oleh setiap pelajar program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) untuk bergraduasi.

Encik Helmi Sumilan, pensyarah daripada Program Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) yang juga merupakan pensyarah kursus KMS6033 sekaligus merangkap penasihat program latihan berkenaan turut hadir bagi memantau perjalanan program. Objektif utama program latihan ***Build The No Problem People*** berkenaan adalah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi di dalam organisasi, memupuk semangat kerja berpasukan di kalangan agen AIA serta kemahiran menggunakan Microsoft Excel. Beberapa modul telah dirangka dan dilaksanakan sepanjang satu (1) hari program berkenaan diadakan termasuklah *ice-breaking*, aktiviti-aktiviti melibatkan kemahiran komunikasi serta *team-building*. Turut hadir semasa program latihan diadakan adalah Encik Manivannan Munian, Pengurus Pembangunan Perniagaan mewakili IMEC Education Group Kuala Lumpur.